

Semangat dan jasad lukisan potret inspirasi budaya kecemerlangan

UB 28.10.2018 B3



CATATAN
KANVAS KOYAK


DR BAHARUDDIN
MOHD ARUS

POTRET adalah salah satu genre seni lukis yang susah untuk diberi definisi kerana boleh dikatakan semua orang sangat memahami dan mengenali seni potret sedikit sebanyak dalam hidup mereka.

Seni potret telah muncul sebagai gaya dalam seni lukis sejak orang purba di Eropah dan Afrika mencontengkannya di dinding gua batu sebagai merakamkan semangat dewa atau orang yang mereka sayangi dan digeruni. Begitu juga seni potret menjadi lebih signifikan dalam tamadun Masir purba di mana potret raja Firau atau pharaoh diukir dan dilukis bagi memartabatkan kuasa serta mengiktiraf sumber pemerintahan kepada rakyat jelata.

Maka banyak potret yang diukir serta dilukis dijumpai oleh ahli arkeologi di merata benua Afrika menunjukkan kepentingan seni potret dalam menentukan kuasa dan kekuatan seseorang raja tersebut pada zaman itu. Sebagai contoh yang paling baik adalah topeng emas Raja Tutankhamen telah ditempa dalam jongkong emas bagi menunjukkan kedaulatan raja tersebut.

Begitu juga halnya dengan beberapa buah kerajaan serta tamadun seterusnya



PROFESSOR DiRaja Engku Aziz oleh Jaafar Taib.

umpamanya kerajaan Greek dan Rome di mana terdapat potret menjadi bahan komunikasi serta propaganda kerajaan tersebut. Begitu juga halnya terdapat potret maharaja serta bangsawan yang telah dirakamkan di atas kain sutera ataupun batu dan gangsa di zaman China purba dan kerajaan India.

Seni potret mula menjelaskan kakinya di bumi Nusantara apabila pihak penjajah seperti Sepanyol, Belanda dan Inggeris mula bertapak di alam Melayu. Walaupun sesetengah penjajah seperti Inggeris tidak menghiraukan perkembangan seni dan budaya kepada anak negeri yang mereka perintah namun penjajah seperti Sepanyol dan Belanda tetap memberikan perhatian terhadap seni budaya kepada anak jajahan mereka.

Oleh itu permulaan abad kelapan belas Belanda telah menghantar Radin Salleh untuk belajar seni lukis di negeri Belanda setelah mendapat bimbingan di peringkat rendah di Indonesia dari guru yang dibawa khas dari Belanda. Akhirnya Radin Salleh telah dilantik sebagai pelukis istana raja Belanda.

Walaubagaimanapun tanpa galakan, secara diam lukisan easel berkembang di

membuka galeri bagi mengajar anak tempatan melukis. Maka banyak karya Radin Salleh yang dihasilkan beliau berkaitan kehidupan tempatan, begitu juga potret pemimpin dan pemerintah ketika itu.


Jelas sekali bahawa seni lukis easel ini telah dihasilkan atas pengaruh dan sokongan penjajah seperti yang berlaku kepada Radin Salleh. Begitu juga halnya di negara Nusantara yang lain seperti Filipina, penjajah Sepanyol telah mendidik serta menghantar anak negeri belajar di negara mereka bagi membantu menyebarkan agama Kristian di Filipina tokoh seperti Juan Luna, Ededes.

Hidalgo telah menjadi pelukis terkenal kerana mereka menang pertandingan di Madrid, Spanyol. Oleh sebab itu di Malaysia pula perkara yang sama berlaku di mana British kurang melayan kehendak kesenian dan budaya anak tempatan kerana pada mereka seni dan budaya tidak mendatangkan keuntungan kepada mereka.

Potret sebagai genre yang popular yang boleh dikatakan setiap pelukis yang ingin memulakan kerjaya mereka sebagai pelukis akan cenderung melukis potret



DATO Dr Harith Achmad.



SYED Naguib Al Attas oleh Haryani Mohamed.

Malaysia melalui pendidikan yang diperkenalkan oleh Inggeris. Oleh sebab itu karya yang menjadi ikutan anak tempatan adalah potret seperti King George, Queen Victoria. Pembesar Syarikat India Timur seperti Raffles dan Francis Light.

Penjajah Inggeris juga membawa beberapa tokoh pelukis yang menjadi pegawai resident seperti George Giles dan Frank Swettenham dan mereka juga banyak membuat karya lukisan potret semasa menjelajah negara ini.

Potret sebagai genre yang popular yang boleh dikatakan setiap pelukis yang ingin memulakan kerjaya mereka sebagai pelukis akan cenderung melukis potret

sebagai mengiktiraf dirinya memasuki ke alam seni visual.

Maka potret boleh dibahagi kepada dua kategori; membuat potret sendiri dan melukis potret model atau orang lain biasanya pemotret akan cuba meniru rupa orang yang dilukis secara seratus peratus serupa namun kebanyakannya potret tidak mendapat imej yang serupa.

Pengalaman penulis belajar potret bersama adikur Hossein Enas sekitar tahun 1970an di Angkatan Pelukis Semenanjang, kami dimestikan memerhati serta mengkaji bentuk tulang di bawah kulit muka seseorang misalnya adakah tulang pipinya tinggi atau rongga matanya ke dalam atau raut mukanya bujur sirih dan sebagainya.

Melukis potret dengan bahan media kering adalah dianggap mudah dan cepat kerana boleh dipadam dan ditindih warnanya jika tidak diperlukan. Walaupun begitu perbezaan lukisan potret oleh pelukis terkenal dibandingkan dengan pelukis jalanan adalah berbeza kerana menyuntikkan karakter atau jiwa ke dalam bentuk jasad lukisan adalah persoalan yang menjadi perbincangan serta polemik sehingga hari ini.

Seperi yang diungkapkan oleh Umberto Boccioni tokoh aliran futurisme berkaitan potret adalah "A portrait to be work of art neither must or may resemble the sitter....The painter has within himself the landscapes he wishes to produce to depict a figure ,one must not paint the figure ;one must paint it atmosphere." Antara lain ia maksudkan bahawa sebuah potret yang menjadi seni tidak semestinya menyerupai



TOPENG Potret Maharaja Tutankhamen.



DATUK Leslie Davidson. Aliran Pop.



HELGA oleh Andrew Wyeth. Media tempra telur.

modelnya bahkan pelukis mempunyai rangka dan landskap yang ingin dihasilkannya. Oleh itu kita tidak perlu melukis potret tetapi cukup melukiskan suasannya.

Pada 10 Oktober bertempat di Galeri Seni Negeri Sabah, diadakan satu perasmian pameran lukisan potret bertajuk Pameran Potret Anugerah Merdeka: Inspirasi Budaya Kecemerlangan. Pameran yang memaparkan tujuh belas karya potret tokoh negara yang memenangi anugerah merdeka yang dilancarkan sejak tahun 2011.

Tokoh ternama ini bukan dari ahli politik tetapi mereka yang berjasa sebagai pencipta bahan budaya dan teori pemikiran yang berbentuk ilmiah menjana kepada kehidupan manusia sama ada dari bidang perubatan, kejuruteraan, pendidikan falsafah, kemanusiaan dan sebagainya.

Pameran potret yang julung kali diadakan di negeri Sabah memberi peluang kepada khalayak tempatan mengenali tokoh yang berjasa kepada negara dalam bidang mereka,

melalui seni lukisan potret. Sebanyak tujuh belas potret tokoh yang dilukis oleh tujuh belas pelukis potret yang berbagai bidang dan gaya mereka dengan tujuan untuk mengangkat tokoh tokoh yang digambarkan oleh mereka.

Beberapa orang pemotret negara yang terkenal seperti Dato Azman Yusoff pelukis istana Negeri Selangor, Jaafar Taib pelukis realis terkenal negara, Long Tien Shih,


Nasir Baharudin, Jeganathan Ramachanderan, Shamsudin Mohammad dan beberapa orang pelukis lain yang berwibawa sebagai pemotret tersohor negara.

Tujuan lukisan yang dipamerkan selain dari memperkenalkan tokoh pihak pengangur syarikat minyak negara Petronas juga ingin memperkenalkan karakter serta hati budi tokoh-tokoh sedekat mungkin kerana melalui fotograf ia tidak akan kesampaian kerana media tersebut dianggap terlalu biasa oleh sebab asakan serta media sosial yang menjadikan khalayak menjadi lali.

Selain dari itu pengaruh serta aura gambar lukisan menjadikan kesan serta imej tokoh menjadi lebih bertenaga seperti mana kuasa memukau yang lumrah terdapat pada potret Mona Lisa oleh Leonardo Da Vinci, potret diri Rembrandt, potret Tengku Abdul Rahman oleh Hossein Enas, potret Helga oleh Andrew Wyeth dan sebagainya.

Oleh sebab itu pemilihan media lukisan sebagai memperkenalkan tokoh gemilang kepada khalayak adalah pilihan yang wajar dan bijak kerana melalui kaedah lukisan potret audien akan mengingati tokoh tersebut sepanjang hayat mereka.

PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).



POTRET Bobohizan oleh penulis.